

Melindungi Masa Depan Anda



Great Eastern Takaful Berhad
Dana-dana Berkaitan Pelaburan
Laporan Tahunan
31 Disember 2024



KANDUNGAN

2	Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif
5	Jawatankuasa Pengurusan Aset Liabiliti
6	Objektif-objektif Dana
7	Ulasan dan Prospek Pelaburan
11	Prestasi Dana 2024
13	Parbandingan Prestasi Dana
21	Penyata oleh Pengurus
22	Laporan Jawatankuasa Syariah
23	Laporan Juruaudit Luar
26	Penyata-penyata Aset dan Liabiliti
27	Penyata-penyata Pendapatan dan Perbelanjaan
28	Penyata-penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih
29	Nota kepada Maklumat Kewangan

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif



Pemegang Unit
Yang Dihormati,

Tahun 2024 merupakan satu lagi tahun yang membanggakan untuk Great Eastern Takaful. Saya berbesar hati untuk melihat kembali perjalanan penuh bermakna yang telah kami lalui dengan sokongan para pelanggan, rakan pengedaran, warga agensi serta kakitangan kami yang berdedikasi. Pencapaian ini bukan sekadar lambang kejayaan yang telah kami perolehi, malah ia juga mengingatkan kami tentang penambahbaikan berterusan yang telah kami lakukan untuk memberikan penyelesaian kewangan dan kesihatan yang inovatif, dipercayai dan lestari buat rakyat Malaysia.


“ Portfolio yang seimbang merangkumi ekuiti, pendapatan tetap, dan tunai dapat membantu menangani ketidakpastian pasaran dan memastikan kestabilan kewangan dalam jangka panjang.”

Prestasi Dana-dana berkaitan-Pelaburan

Pada tahun 2024, dana-dana berkaitan-pelaburan kami telah mencatatkan prestasi yang stabil dan berdaya tahan walaupun berhadapan dengan suasana pasaran yang dinamik. Dana i-Majmuk merekodkan keputusan yang baik dengan jumlah pulangan sebanyak 13.92%, mengatasi penanda (wajaran 50% atas Pulangan Deposit Mudharabah 12-bulan dan wajaran 50% atas Pulangan Indeks FBMS) yang menjana 8.48%. Dana i-Makmur mencatatkan pulangan sebanyak 4.85%, lebih baik berbanding penanda arasnya (Deposit Mudharabah 12-bulan) yang memperoleh 2.38%. Sungguhpun Dana i-Mekar melakarkan pulangan 13.71%, tidak berjaya mengatasi penanda arasnya (FTSE Bursa Malaysia Emas Syariah) yang mencapai pulangan 14.58%, namun ia masih terus menawarkan kepelbagaian berharga manakala Dana i-Ekuiti Global, yang memberi tumpuan kepada prinsip ESG, mencatatkan pulangan 0.18%, hanya sedikit di bawah penanda arasnya (Indeks MSCI ACWI Islamic (Syariah)) yang

merekodkan pulangan 0.39%. Pencapaian ini berhasil daripada pendekatan berdisiplin kami berhubung pengurusan dana, mengimbangi risiko dan pulangan agar dapat memenuhi keperluan berbeza para pelabur kami.

Dalam pasaran dinamik pada masa ini, amat penting untuk kami melaksanakan kepelbagaian strategi pelaburan bagi meminimumkan risiko dan mengambil peluang tersedia yang meliputi pelbagai sektor. Portfolio yang seimbang merangkumi ekuiti, pendapatan tetap, dan tunai dapat membantu menangani ketidakpastian pasaran dan memastikan kestabilan kewangan jangka panjang. Di Great Eastern Takaful, kami mengutamakan ketelusan, kestabilan kewangan, dan amalan pelaburan yang bertanggungjawab demi mengekalkan kepercayaan anda dalam mengemudi lanskap ekonomi yang sentiasa berubah. Kami akan terus mengutamakan kepentingan anda demi mencapai matlamat kewangan anda.



Mengendali Perniagaan yang Lestari demi Masa Depan yang Lebih Baik

Berlandaskan misi kami untuk melindungi dan memperkasakan anda, kami akan sentiasa mengukuhkan warga agensi kami yang terdiri daripada lebih 10,000 perunding takaful dan kolaborasi strategik dengan rakan kerjasama korporat dan bank terkemuka seperti OCBC, CoopBank Pertama (CBP), Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (BKRM) dan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA). Pelan takaful kami, yang merangkumi perlindungan kesihatan hinggalah penyelesaian pengurusan kewangan, telah direka untuk menawarkan perlindungan yang cergas dan kestabilan kewangan jangka panjang. Kami turut memperkenalkan ciri-ciri dalam pelan perubatan Takaful kami yang menggalakkan lebih banyak penggunaan berhemat di kalangan pelanggan yang mana kami menawarkan insentif khas kepada pelanggan yang tidak mengemukakan sebarang tuntutan menerusi rider baharu yang turut menyediakan perlindungan perubatan yang komprehensif.

Melangkaui pengoperasian perniagaan, kami juga kekal komited untuk mencipta impak yang inklusif. Skim MySalam terus meringankan beban kewangan masyarakat dengan menguruskan tuntutan tuntutan bernilai hampir RM2 juta, yang telah membantu lebih 1.6 juta rakyat Malaysia yang membuat tuntutan melebihi RM1.1 bilion bagi kedua-dua manfaat penyakit kritikal dan pembayaran tuntutan kemasukan ke hospital. Selain itu, antara inisiatif kelestarian yang telah dilaksanakan adalah seperti Projek Hasil Semula (Upcycling) yang telah mengumpulkan lebih 108 tan bahan kitar semula dan berjaya memberi kesedaran kepada lebih 12,500 individu di samping menggalakkan kitaran ekonomi melalui pengenalpastian bahan kitar semula yang boleh diproses menjadi produk baharu yang berguna.

Seiring dengan kemajuan ini, kami berpegang teguh kepada visi kami untuk mencipta perubahan yang bermakna dan membolehkan semua rakyat Malaysia yakin untuk Mencapai Kejayaan.

Bagi pihak pengurusan tertinggi, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para pelanggan, rakan korporat dan bank, warga agensi, kakitangan dan para pelabur atas sokongan yang tidak berbelah bahagi.

Semoga Allah SWT. melimpahkan rahmat-Nya dalam semua perkara yang kita lakukan, Amin.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.

Untuk Great Eastern Takaful Berhad,
SHAHRUL AZLAN SHAHRIMAN
Ketua Pegawai Eksekutif

Jawatankuasa Pengurusan Aset Liabiliti

Ahli Jawatankuasa

Shahrul Azlan bin Shahrman

(Pengerusi)

Ketua Pegawai Eksekutif,
Great Eastern Takaful Berhad

Jasveen Kaur Marne

Ketua Pegawai Kewangan,
Great Eastern Takaful Berhad

Tan Say Yen

Aktuari Yang Dilantik,
Great Eastern Takaful Berhad
(dilantik berkuatkuasa pada 24 Februari 2025)

Max Goh Khim Yao

Aktuari Yang Dilantik,
Great Eastern Takaful Berhad
(bersara pada 31 Julai 2024)

Nik Ikhwan Nik Mahmood

Pengurus Kanan Portfolio – Saham, Pelaburan Ekuiti,
Great Eastern Life (Malaysia) Berhad
(Pertukaran delegasi kepada Lee Li Jian
berkuatkuasa 3 Januari 2025)

Lee Li Jian

Pengurus Kanan Portfolio – Saham, Pelaburan Ekuiti,
Great Eastern Life (Malaysia) Berhad
(Dilantik berkuatkuasa
pada 3 Januari 2025)

Leong Yu Ting

Penolong Naib Presiden, Pengurusan Risiko Kewangan,
Great Eastern Life (Malaysia) Berhad

Rashida Mior Ahmad Darwish

Ketua, Pemasaran,
Great Eastern Takaful Berhad
(dilantik berkuatkuasa
pada 16 September 2024)

Nurul Sheita Khalib

Ketua, Pemasaran,
Great Eastern Takaful Berhad
(bersara pada 31 Julai 2024)

Jawatankuasa Syariah

Ahli Jawatankuasa

Dr. Mohammad Firdaus bin Mohammad Hatta

(Pengerusi)
(dilantik sebagai Pengerusi
berkuatkuasa 13 Disember 2022)

Dr. Muhammad Naim bin Omar

Dr. Muhammad Pisol bin Mat Isa

Dr. Nurul Aini binti Muhamed

En. Mohd Fadhly bin Md Yusoff

Objektif-objektif Dana

Dana i-Makmur

Sebuah dana yang melabur di dalam sekuriti Islam pendapatan tetap, contohnya sukuk kerajaan dan korporat (daripada 40% hingga 100%) dan bakinya dilabur di dalam deposit patuh Syariah. Dana ini bertujuan untuk memberikan pulangan konsisten pada pergolakan berparas rendah. Walaupun dana ini dilaburkan terutamanya di Malaysia, ia boleh juga dilaburkan di dalam sekuriti Islam pendapatan tetap di luar negara (sehingga 50%) untuk meningkatkan pulangan dana. Dana i-Makmur hanya melabur dalam sekuriti patuh Syariah.

Dana i-Mekar

Sebuah dana di mana 80% hingga 100% pelaburannya adalah di dalam ekuiti patuh Syariah, yang mungkin bergolak dalam jangka pendek, dan juga deposit patuh Syariah. Dana ini bertujuan untuk memperoleh peningkatan modal jangka sederhana ke panjang. Walaupun dana ini dilaburkan terutamanya di Malaysia, sebahagiannya boleh dilaburkan di Singapura (sehingga 25%) dan Hong Kong (sehingga 25%) bila dan jika perlu bagi meningkatkan pulangan dana. Dana i-Mekar hanya dilaburkan dalam sekuriti patuh Syariah.

Dana i-Majmuk

Sebuah dana yang melabur di dalam ekuiti patuh Syariah, sekuriti pendapatan tetap dan deposit patuh Syariah. Terdapat fleksibiliti dalam peruntukan aset kerana dana ini boleh dilaburkan dalam sekuriti pendapatan tetap atau ekuiti patuh Syariah sepenuhnya. Dana ini bertujuan untuk memberikan peningkatan modal jangka sederhana ke panjang, dengan pergolakan pada paras sederhana. Dana i-Majmuk hanya dilaburkan dalam sekuriti patuh Syariah.

Dana i-Ekuiti Global

Sebuah dana yang melabur sembilan puluh peratus (90%) hingga seratus peratus (100%) daripada Nilai Aset Bersih (NAB) dalam portfolio antarabangsa ekuiti patuh Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah syarikat yang mempunyai potensi pertumbuhan yang baik. Baki NAB dana ini akan dilaburkan dalam aset cair Islam dan/atau akan dipegang secara tunai. Dana i-Ekuiti Global hanya melabur di dalam sekuriti patuh Syariah.

Ulasan dan Prospek Pelaburan

Ulasan Pasaran Ekuiti 2024

2024 adalah tahun yang positif bagi kebanyakan pasaran ekuiti global di mana selepas dua tahun menyaksikan kadar faedah meningkat dengan amat pantas bagi tempoh beberapa dekad, pelabur mengalihkan tumpuan kepada pilihan defensif pihak Fed menjelang akhir 2023 tetapi pasaran buruh dan data inflasi yang kukuh memberi kesan kepada pasaran dan jangkaan akan berlaku pemotongan kadar telah dianjak dari bulan Mac ke separuh kedua 2024. Fed akhirnya mula memotong kadar sebanyak 50 mata asas pada 18hb September, dalam langkah yang disebut oleh Pengerusi Powell sebagai “menentu ukur semula” untuk mengambil kira kejatuhan ketara inflasi sejak 2021. Ketidaktentuan geopolitik yang disebabkan oleh serangan Iran ke atas Israel pada 13hb April dan 1hb Oktober tidak memberi kesan kepada pelabur walaupun harga minyak berubah buat seketika. Pasaran ekuiti AS menerima pemangkin tambahan pada bulan November apabila pilihan raya Presiden AS menyaksikan Donald Trump kembali ke White House untuk tempoh kedua. Indeks Dow Jones Industrial Average, S&P 500 dan Komposit Nasdaq mengakhiri tahun masing-masing dengan pulangan sebanyak +12.9%, +23.3% dan +28.6%. Ekonomi China terus menunjukkan pemulihan dwi-pantas sepanjang hampir keseluruhan 2024 dengan pelaburan aset tetap eksport dan pengilangan berada di landasan yang kukuh manakala hartanah dan penggunaan masih ketinggalan. Pergolakan pasaran menjadi ciri biasa dalam pasaran ekuiti China di mana pelabur bertindak balas atas setiap usaha kecil oleh penggubal dasar semasa melancarkan lebih banyak langkah rangsangan. Pasaran akan memerhati apakah dasar terkini Beijing dalam menghadapi tarif AS yang bakal dilaksanakan. Dari segi prestasi Indeks Hang Seng dan Indeks Hang Seng China Enterprise masing-masing mencatatkan pulangan +17.8% dan +26.4%.

Prestasi pasaran ASEAN agak bercampur-campur pada 2024, dengan tiga pasaran terbaik adalah Indeks Straits Times Singapura, FBM KLCI Malaysia dan Indeks PSEi Bursa Saham Filipina. Masing-masing merekodkan pulangan sebanyak +16.9%, +12.9% (FBM Shariah juga kukuh, dengan pulangan sebanyak 14.6%) dan +1.2%. Untuk Malaysia, pengumuman dasar inisiatif seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), Skim Pembekalan Tenaga Boleh Diperbaharui Korporat (CRESS), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030), Strategi Semikonduktor Kebangsaan (NSS) dan menaikkan pelaburan diluluskan adalah antara sorotan utama. Landskap matawang dolar AS yang kukuh / Asia yang rendah menjadi ciri utama pasaran dan semua pasaran ASEAN menyaksikan aliran keluar dana asing, kecuali di Indonesia. Malaysia menyaksikan aliran keluar bernilai RM4.2 bilion dan pegangan asing mengakhiri tahun dengan 19.7%.

Ulasan Pasaran Pendapatan Tetap 2024

2024 adalah tahun yang positif bagi pendapatan tetap Malaysia, walaupun sedikit kurang berbanding 2023. Tahun ini menyaksikan bank-bank pusat utama memulakan pelonggaran moniteri mereka, pilihan raya penting, kegusaran ekonomi China, pelonggaran dagangan bawaan dan geopolitik. Walaupun pulangan sukur Malaysia amat dipengaruhi oleh Perbendaharaan AS dan penilaian semula pasaran mengenai pelonggaran moniteri oleh Federal Reserve AS (Fed), pasaran sukur tempatan secara keseluruhannya berdaya tahan, hasil permintaan kukuh dari pelabur dalam pesisir. Pulangan atas Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) 10-tahun mengakhiri 2024 dengan 4 mata asas lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya manakala MGII 30-tahun merekodkan 16bps lebih rendah, menikmati sokongan kukuh untuk tempoh tersebut oleh dana pencen. Bagaimanapun, sentimen berwaspada mula tersebar pada akhir tahun apabila pasaran bersiap-siaga untuk berdepan dengan ketidakpastian mengenai dasar-dasar inflasi Trump yang bakal diumumkan, yang berpotensi untuk menyukarkan keputusan dasar moniteri Fed.

Pasaran MGII berada dalam julat anggaran bagi hampir sepanjang tahun. MGII 10-tahun mencecah paras tertinggi 4.00% pada bulan April apabila data AS yang lebih menarik dari jangkaan telah diumumkan, bertembung dengan peningkatan tekanan di Timur Tengah yang menolak naik harga minyak. Lekur hasil mencecah 3.675% pada bulan Ogos apabila laporan pekerjaan di AS dan pengetatan moniteri oleh Bank of Japan (BoJ) menyebabkan pasaran berkocak. Dagangan bawaan yang sebelum ini mengambil kesempatan atas dasar moniteri yang amat longgar oleh BoJ mengalami kejutan dan menyebabkan Yen meningkat ketara berbanding USD. Bagaimanapun, gelora ini hanya seketika dan kembali tenang apabila pegawai dari kedua-dua BoJ dan Feb mengeluarkan kenyataan rasmi.

Paling utama, Ringgit melepasi paras 4.8000, paras yang tidak lagi dilihat sejak Krisis Kewangan Asia 1998. Bertindak atas situasi ini, Bank Negara Malaysia meningkatkan usaha penglibatannya untuk menggalakkan lebih banyak penghantaran pulang untung pelaburan asing dan menukarnya kembali kepada Ringgit. Menjelang akhir tahun, Ringgit adalah antara yang mencatat prestasi terbaik di rantau ini, menokok 2.72% berbanding USD, hasil inisiatif Bank Negara, pelaburan asing, reformasi berterusan oleh kerajaan dan prospek ekonomi yang memberangsangkan.

Berlatarkan Pulangan Perbendaharaan AS yang tinggi dan pengukuhan USD secara umum, tidak mengejutkan apabila pelabur asing kurang teruja dengan hutang Pasaran Membangun. Pelabur asing menjadi penjual bersih Pendapatan Tetap Malaysia pada suku terakhir tahun, dengan pegangan mereka merosot sebanyak RM13 bilion semasa tempoh tersebut. Bagaimanapun, bagi tahun penuh, aliran masih sedikit positif, dan pelabur asing memegang 21.2% dalam gabungan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) MGII pada akhir tahun 2024 (2023: 22.7%).

Bekalan rendah Sekuriti Hutang Swasta, berserta permintaan pelabur yang mahukan pulangan, telah menyebabkan tebaran kredit mengetat. Ia lebih ketara bagi kertas bertempoh lebih panjang, dengan pelabur sanggup menerima tebaran sehingga 21bps lebih ketat berbanding tahun sebelumnya.

Unjuran Pasaran Ekuiti 2025

Ekonomi global mengakhiri 2024 dengan perbezaan yang meningkat. Indeks Pengurus Pembelian (PMI) menunjukkan berlaku pencepatan yang kembali mewarnai sektor perkhidmatan manakala pengilangan pula mengalami pengecutan bersandarkan kelemahan perbelanjaan modal dan peningkatan ketidakpastian yang menyelubungi persekitaran dagangan global. Kelemahan masih tertumpu di Eropah dan China manakala AS terus mencatat prestasi yang baik, dibantu oleh sentimen yang semakin pulih berikutan pilihan raya Presiden AS. Prospek pemotongan kadar Fed yang berkurangan dan dolar yang lebih kukuh telah mengganggu kitaran pemotongan kadar global, melengahkan pelonggaran dasar terutamanya di pasaran membangun, dengan agenda dasar fiskal tempatan turut memangkin perbezaan. Kadar dan pulangan global mengalami lonjakan, sebahagian besarnya dipacu oleh aktiviti dan data inflasi AS yang kukuh, sekaligus merisikokan dasar pelonggaran AS. Tona agresif telah ditenangkan oleh aliran data terbaharu yang menunjukkan pemotongan 50bs sahaja untuk 2025, turun 100bps berbanding September. Jawatan Kuasa Pasaran Terbuka Persekutuan sedikit bimbang dengan inflasi yang agak degil, berpotensi untuk dimangkin oleh dasar-dasar inflasi yang bakal dilaksanakan oleh pentadbiran seterusnya. Kebimbangan pelabur tertumpu kepada prospek akan berlaku tarif yang lebih tinggi, dan kesannya pada inflasi.

Di China, kami percaya lebih banyak langkah rangsangan akan diumumkan semasa National People's Congress pada bulan Mac untuk merangsang dan menyokong ekonomi. Risiko masih kelihatan mengenai tarif AS, namun belum menjejaskan prestasi eksport China buat masa ini. Walaupun sasaran pertumbuhan KDNK sebenar sebanyak 5% bagi 2024 telah dicapai, pakar ekonomi mengambil sikap berwaspada untuk 2025 bersandarkan potensi impak sekiranya tarif yang dirancang dilaksanakan.



“Unjuran untuk ekuiti ASEAN diramalkan lebih baik menjelang separuh kedua 2025 apabila pasaran mula memahami hala tuju dasar-dasar pentadbiran baharu AS, manakala penilaian saham dan pegangan asing yang rendah dilihat agak menarik.”

Di ASEAN, aliran keluar asing masih berterusan pada minggu-minggu terakhir 2024 apabila suasana global untuk menjauhi-risiko semakin ketara selepas kenyataan berbaur agresif diumumkan oleh Fed semasa mesyuarat terakhirnya bagi tahun 2024. Pergolakan matawang masih kekal, dengan Rupiah Indonesia paling mudah terjejas. Kebimbangan tukaran asing menyebabkan Bank Indonesia berhati-hati pada bulan Disember, manakala bank-bank pusat lain melainkan Bangko Sentral ng Pilipina, juga mengambil kedudukan ‘tunggu dan lihat’. Dari sudut makro, data eksport dan PMI semakin baik, dengan eksport elektronik merekodkan pertumbuhan dua-digit atas dasar tahun-ke-tahun di Malaysia dan Singapura, diterajui oleh eksport ke AS. Dagangan hadapan untuk mengelakkan impak negatif tarif yang bakal dikenakan apabila Presiden Trump memulakan tugas mungkin menjelaskan punca kenaikan. Melangkah ke 2025, unjuran untuk rantau ini masih kekal berwaspada. Unjuran untuk ekuiti ASEAN diramalkan lebih baik menjelang separuh kedua 2025 apabila pasaran mula memahami hala tuju dasar-dasar pentadbiran baharu AS, manakala penilaian saham dan pegangan asing yang rendah dilihat agak menarik.

Unjuran Pasaran Pendapatan Tetap 2025


Sewaktu pelabur Pendapatan Tetap menantikan pelonggaran moniteri oleh bank-bank pusat utama pada 2024, semangat dan kedudukan dagangan mengenai kitaran pelonggaran dasar moniteri yang dilihat pada tempoh terdahulu mungkin tidak akan

berulang pada 2025. Tahun mendatang membawa lebih banyak ketidakpastian berbanding biasa, sebahagian besarnya disebabkan oleh ketergantungan besar Fed pada aliran data, serta peralihan pentadbiran baharu Trump. Walaupun konsensus menjangkakan inflasi lebih tinggi, dengan adanya USD yang lebih kukuh dan pulangan lebih-tinggi-untuk-tempoh-lebih-panjang, ia mungkin tidak berlaku. Ada di antara dasar-dasar Trump, bergantung kepada skala dan turutan, mungkin saling mengimbangi kesan masing-masing. Contohnya, imigresen dan tarif mungkin mencetuskan inflasi, tetapi permintaan untuk kecekapan kerajaan dan nyahkawal, dan dasar “drill, baby, drill” untuk meningkatkan pengeluaran minyak boleh menguncupkan inflasi. Geopolitik sekali lagi memainkan peranan, dengan bilangan konflik masih berlanjutan.

Tanpa mengambil kira perkara di atas, pendapatan tetap Malaysia dijangka terus mendapat manfaat dari pembelian besar pelabur pesisir dalam dan kekurangan bekalan sekuriti kerajaan pada 2025, berlatarkan usaha penggabungan fiskal yang berterusan oleh kerajaan. Kadar Dasar Semalaman dijangka tidak berubah sepanjang tahun. Sungguhpun terdapat risiko kenaikan inflasi yang mungkin berlaku disebabkan gaji yang lebih tinggi, perluasan Cukai Jualan dan Perkhidmatan, serta rasionalisasi subsidi bahan api, Bank Negara dijangka akan lebih menyokong pertumbuhan, mengambil kira ketidakpastian yang ada di masa hadapan.


Prestasi Dana 2024

Dana i-Makmur



Dana i-Mekar





Perbandingan Prestasi Dana

Dana i-Makmur

(i) Komposisi dana mengikut sektor industri dan kategori pelaburan:

	2024 (RM)	2024 (%)	2023 (RM)	2023 (%)	2022 (RM)	2022 (%)	2021 (RM)	2021 (%)	2020 (RM)	2020 (%)
Ekuiti patuh syariah										
Elektrik, Gas dan Air	11,752,425	7.16%	-	-	-	-	-	-	-	-
	11,752,425	7.16%	-	-	-	-	-	-	-	-
Sukuk Korporat & Instrumen pasaran Modal Hibrid										
Pertanian, Perhutanan & Perikanan	1,007,760	0.61%	1,005,760	0.66%	968,040	0.73%	-	-	-	-
Pembinaan	8,779,719	5.35%	4,509,630	2.96%	4,513,875	3.39%	6,138,420	5.16%	6,298,185	5.83%
Elektrik, Gas dan Air	49,152,966	29.95%	-	-	-	-	-	-	-	-
Kewangan, Insurans, Hartanah and Perkhidmatan Perniagaan	34,794,640	21.20%	10,201,290	6.69%	10,862,450	8.16%	5,981,560	5.02%	1,111,370	1.03%
Lebuhraya	-	-	-	-	-	-	814,464	0.68%	835,680	0.77%
Pembuatan	11,318,850	6.90%	-	-	-	-	-	-	-	-
Perlomongan & Kuari	4,089,480	2.49%	-	-	-	-	-	-	-	-
Minyak & Gas	-	-	16,741,935	10.99%	15,991,005	12.02%	1,513,605	1.27%	-	-
Lain-lain	-	-	3,073,050	2.02%	3,021,680	2.27%	-	-	11,374,880	10.53%
Tenaga Kuasa	-	-	42,337,530	27.80%	36,970,182	27.77%	30,341,823	25.50%	37,775,316	34.97%
Hartanah	-	-	-	-	5,114,900	3.84%	13,112,836	11.02%	2,842,060	2.63%
Telekomunikasi & Media	-	-	17,329,615	11.38%	10,022,465	7.53%	2,926,740	2.46%	3,102,720	2.87%
Pengangkutan, Simpanan dan Telekomunikasi	13,478,077	8.22%	1,305,804	0.86%	1,263,108	0.95%	5,624,140	4.73%	1,408,968	1.30%
Utiliti	-	-	19,385,574	12.73%	16,833,480	12.66%	15,147,150	12.73%	-	-
	122,621,492	74.72%	115,890,188	76.09%	105,561,165	79.32%	81,600,838	68.57%	64,749,179	59.93%
Aset berisiko rendah										
Pelaburan terbitan kerajaan	12,371,000	7.54%	20,546,791	13.49%	4,294,700	3.23%	17,841,090	14.99%	33,490,000	30.99%
Deposit dengan institusi kewangan Islam	11,830,000	7.21%	12,000,000	7.88%	20,180,000	15.17%	17,700,000	14.87%	8,300,000	7.68%
Tunai dan baki bank	160,139	0.10%	12,422,886	8.16%	74,301	0.06%	195,991	0.16%	771,186	0.71%
Lain-lain asset/(liabiliti)	5,359,307	3.27%	(8,565,481)	-5.62%	2,952,851	2.22%	1,657,715	1.40%	743,596	0.69%
Jumlah	164,094,363	100.00%	152,294,384	100.00%	133,063,017	100.00%	118,995,634	100.00%	108,053,961	100.00%

Perbandingan Prestasi Dana (sambungan)

Dana i-Makmur (sambungan)

	2024 (RM)	2024 (%)	2023 (RM)	2023 (%)	2022 (RM)	2022 (%)	2021 (RM)	2021 (%)	2020 (RM)	2020 (%)
(II) Jumlah nilai aset bersih ("NAV")	164,094,363	-	152,294,384	-	133,063,017	-	118,995,634	-	108,053,961	-
(III) Bilangan Unit	72,955,380	-	71,953,591	-	67,565,773	-	62,111,073	-	55,376,584	-
(IV) NAV setiap unit	2,249	-	2,117	-	1,969	-	1,916	-	1,951	-
(V) NAV tertinggi setiap unit sepanjang tahun kewangan	2,184	-	2,063	-	1,943	-	1,944	-	1,956	-
(VI) NAV terendah setiap unit sepanjang tahun kewangan	2,079	-	1,856	-	1,856	-	1,853	-	1,757	-
(VII) Jumlah pulangan tahunan bagi dana (%)	-	4.85%	-	7.21%	-	2.32%	-	-2.06%	-	10.36%
(VIII) Jumlah pulangan (%)	-	4.85%	-	7.21%	-	2.32%	-	-2.06%	-	10.36%
Satu tahun	-	15.01%	-	7.43%	-	10.59%	-	19.51%	-	28.58%
Tiga tahun	-	24.30%	-	31.09%	-	28.85%	-	33.83%	-	48.47%
(IX) Prestasi indeks penanda aras yang berkaitan	-	2.38%	-	2.37%	-	1.93%	-	1.61%	-	2.06%
- Deposit Mudharabah 12 Bulan (%)	-	6.83%	-	6.03%	-	5.71%	-	6.75%	-	8.15%
Satu tahun	-	10.79%	-	11.40%	-	12.01%	-	13.12%	-	14.80%
Tiga tahun	-		-		-		-		-	
Lima tahun	-		-		-		-		-	

Perbandingan Prestasi Dana (sambungan)

Dana i-Mekar

(i) Komposisi dana mengikut sektor industri dan kategori pelaburan:

Ekuiti patuh syariah										
Pertanian, Perhutanan & Perikanan	-	-	34,369,325	9.42%	31,106,307	9.62%	1,989,778	0.68%	3,057,088	1.24%
Bahan Binaan	-	-	14,146,210	3.88%	16,701,700	5.18%	16,518,815	5.65%	14,120,640	5.72%
Konglomerat	-	-	18,634,212	5.10%	9,746,620	3.01%	16,924,121	5.78%	13,135,761	5.32%
Pembinaan	31,679,213	7.24%	18,274,639	5.02%	10,114,565	3.13%	10,065,597	3.44%	14,207,298	5.76%
Produk Pengguna & Servis	33,455,668	7.62%	-	-	-	-	-	-	-	-
Pengguna, Sikitkal	117,293	0.03%	-	-	-	-	-	-	-	-
Tenaga	13,603,969	3.11%	7,292,895	1.99%	-	-	-	-	-	-
Kewangan, Insurans, Hartanah and Perkhidmatan Perniagaan	2,782,533	0.64%	-	-	2,073,708	0.64%	3,539,400	1.21%	6,070,534	2.45%
Penjagaan Kesihatan	34,038,534	7.77%	-	-	-	-	-	-	-	-
Industri	1,699	0.00%	-	-	-	-	-	-	-	-
Produk Industri & Servis	71,022,809	16.21%	-	-	-	-	-	-	-	-
Infrastruktur	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Motor	-	-	-	-	-	-	-	-	705,550	0.29%
Minyak & Gas	-	-	5,047,424	1.38%	12,817,239	3.96%	8,704,788	2.98%	3,086,256	1.25%
Lain-lain	-	-	28,708,213	7.86%	37,031,581	11.45%	37,330,095	12.76%	33,533,746	13.58%
Lain-lain - Asing	-	-	27,209,092	7.46%	38,658,114	11.95%	27,904,654	9.54%	11,644,296	4.72%
Lain-lain - Pembinaan	7,202,465	1.64%	-	-	-	-	-	-	-	-
Lain-lain - Perladangan	-	-	6,032,869	1.64%	7,411,705	2.28%	3,390,383	1.16%	14,358,366	5.81%
Tenaga Kuasa	31,560,237	7.21%	2,795,650	0.77%	-	-	-	-	-	-
Hartanah	23,560,491	5.37%	10,616,620	2.91%	4,954,881	1.52%	8,990,085	3.07%	9,699,903	3.93%
Institusi Kuasi-Kerajaan	-	-	2,050,935	0.56%	2,135,220	0.66%	2,572,965	0.88%	-	-
Teknologi	42,674,444	9.74%	62,277,330	17.06%	25,008,447	7.72%	26,693,221	9.12%	14,526,485	5.88%
Telekomunikasi & Media	36,423,342	8.31%	35,919,590	9.85%	43,571,579	13.48%	43,850,623	14.99%	43,261,171	17.52%
Perdagangan & Peruncitan	-	-	4,490,782	1.23%	6,419,692	1.99%	9,244,477	3.16%	-	-
Pengangkutan dan Logistik	4,692,570	1.07%	5,481,120	1.51%	12,460,330	3.86%	15,533,103	5.31%	5,649,283	2.29%
Utiliti	53,851,022	12.35%	43,187,722	11.83%	21,525,338	6.66%	28,535,951	9.75%	33,025,070	13.38%
	386,666,289	88.31%	326,524,628	89.47%	281,737,027	87.11%	261,788,056	89.48%	220,081,447	89.14%
Deposit dengan Institusi Kewangan Islam										
Tunai dan baki bank	10,000,000	2.28%	7,000,000	1.93%	-	-	5,000,000	1.71%	29,900,000	12.11%
Lain-lain baki bank	39,607,572	9.04%	32,374,254	8.87%	35,377,562	10.99%	23,757,025	8.12%	614,109	0.25%
Lain-lain asset/(liabiliti)	1,623,110	0.37%	(967,108)	-0.27%	6,146,000	1.90%	2,011,974	0.69%	(3,736,033)	-1.50%
Jumlah	437,896,971	100.00%	364,931,774	100.00%	323,260,589	100.00%	292,557,060	100.00%	246,859,523	100.00%

Perbandingan Prestasi Dana (sambungan)

Dana i-Mekar (sambungan)

	2024 (RM)	2024 (%)	2023 (RM)	2023 (%)	2022 (RM)	2022 (%)	2021 (RM)	2021 (%)	2020 (RM)	2020 (%)
(II) Jumlah nilai aset bersih ("NAV")	437,896,971	-	364,931,774	-	323,260,589	-	292,557,060	-	246,859,523	-
(III) Bilangan Unit	248,369,450	-	234,916,850	-	206,118,175	-	172,147,986	-	141,554,774	-
(IV) NAV setiap unit	1.763	-	1.553	-	1.568	-	1.699	-	1.744	-
(V) NAV tertinggi setiap unit sepanjang tahun kewangan	1.831	-	1.679	-	1.679	-	1.777	-	1.760	-
(VI) NAV terendah setiap unit sepanjang tahun kewangan	1.530	-	1.422	-	1.422	-	1.628	-	1.226	-
(VII) Jumlah pulangan tahunan bagi dana (%)	-	13.71%	-	-0.84%	-	-8.42%	-	-2.77%	-	13.47%
(VIII) Jumlah pulangan (%)										
Satu tahun	-	13.71%	-	-0.84%	-	-8.42%	-	-2.77%	-	13.47%
Tiga tahun	-	3.26%	-	-11.70%	-	1.05%	-	16.83%	-	6.70%
Lima tahun	-	13.93%	-	6.09%	-	1.05%	-	18.55%	-	20.57%
(IX) Prestasi indeks penanda aras yang berkaitan - FBM100										
Satu tahun	-	14.58%	-	0.46%	-	-10.80%	-	-6.81%	-	10.14%
Tiga tahun	-	2.67%	-	-16.49%	-	-8.45%	-	6.59%	-	-1.08%
Lima tahun	-	5.38%	-	-4.48%	-	-17.77%	-	2.07%	-	2.80%

Perbandingan Prestasi Dana (sambungan)

Dana i-Majmuk

(i) Komposisi dana mengikut sektor industri dan kategori pelaburan:

	2024 (RM)	2024 (%)	2023 (RM)	2023 (%)	2022 (RM)	2022 (%)	2021 (RM)	2021 (%)	2020 (RM)	2020 (%)
Ekuiti patuh syariah										
Pertanian & Pelombongan	-	-	8,935,635	8.22%	7,652,470	7.94%	3,053,446	3.42%	3,834,202	4.92%
Bahan Pembinaan/Pembangunan	-	-	5,056,771	4.65%	4,400,008	4.55%	4,618,322	5.15%	4,230,238	5.42%
Konglomerat	-	-	5,205,171	4.78%	4,237,616	4.37%	4,155,617	4.64%	2,673,428	3.43%
Pembinaan	12,677,265	9.82%	6,291,249	5.79%	4,155,009	4.31%	4,364,262	4.87%	3,089,804	3.96%
Produk Pengguna & Servis	6,661,347	5.15%	-	-	-	-	-	-	-	-
Tenaga	3,072,391	2.39%	340,860	0.31%	-	-	-	-	-	-
Kewangan, Insurans, Hartanah and Perkhidmatan Perniagaan	833,280	0.65%	-	-	967,785	1.00%	290,540	0.32%	1,434,078	1.84%
Penjagaan Kesihatan	8,545,222	6.61%	-	-	-	-	-	-	-	-
Produk Industri & Servis	13,385,904	10.36%	-	-	-	-	-	-	-	-
Infrastruktur	-	-	-	-	-	-	488,800	0.55%	-	-
Perkhidmatan Pelancongan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Motor	-	-	46,216	0.04%	-	-	747,840	0.83%	319,300	0.41%
Minyak & Gas	-	-	74,26,013	6.82%	8,352,920	8.65%	11,240,356	12.54%	12,797,348	16.40%
Lain-lain	-	-	3,127,392	2.88%	6,248,430	6.48%	7,007,965	7.83%	2,429,993	3.12%
Lain-lain - Pembinaan	-	-	631,090	0.58%	1,822,227	1.92%	5,438,153	6.09%	10,908,549	14.00%
Perdagangan	7,617,529	5.90%	-	-	-	-	-	-	-	-
Tenaga Kuasa	-	-	768,430	0.71%	389,520	0.40%	1,317,599	1.47%	499,010	0.64%
Hartanah	9,155,696	7.08%	3,848,788	3.54%	884,260	0.92%	856,575	0.96%	1,103,380	1.41%
Institusi Kuasi-Kerajaan	-	-	-	-	-	-	5,718,760	6.38%	6,318,155	8.10%
Teknologi	9,657,019	7.52%	11,678,960	10.73%	8,805,051	9.10%	12,635,526	14.09%	6,945,612	8.90%
Telekomunikasi & Media	11,502,563	8.92%	12,454,451	11.45%	9,988,712	10.34%	867,160	0.97%	855,380	1.10%
Perdagangan & Peruncitan	-	-	74,011	0.07%	448,401	0.46%	3,462,225	3.86%	1,738,110	2.23%
Pengangkutan & Logistik	3,753,868	2.91%	2,302,182	2.12%	1,635,688	1.70%	5,699,926	6.36%	5,140,093	6.59%
Utiliti	13,696,038	10.61%	8,003,117	7.35%	4,141,872	4.28%	-	-	-	-
	100,558,122	77.92%	76,190,336	70.04%	64,129,969	66.42%	71,963,072	80.33%	64,316,680	82.47%

Perbandingan Prestasi Dana (sambungan)

Dana i-Majmuk (sambungan)

	2024 (RM)	2024 (%)	2023 (RM)	2023 (%)	2022 (RM)	2022 (%)	2021 (RM)	2021 (%)	2020 (RM)	2020 (%)
Sukuk Korporat & Instrumen pasaran Modal Hibrid										
Pertanian, Perhutanan & Perikanan	1,007,760	0.78%	-	-	-	-	-	-	-	-
Pembinaan	1,018,610	0.79%	1,013,990	0.93%	-	-	-	-	-	-
Elektrik, Gas dan Air	1,023,430	0.79%	-	-	-	-	-	-	-	-
Kewangan, Insurans, Hartanah and Perkhidmatan Perniagaan	3,199,280	2.48%	2,030,110	1.86%	-	-	-	-	-	-
Lebuhraya	-	-	1,159,850	1.07%	-	-	-	-	-	-
Tenaga Kuasa	-	-	1,019,660	0.93%	-	-	-	-	-	-
Hartanah	-	-	1,002,000	0.92%	1,005,000	1.04%	1,031,940	1.15%	1,059,520	1.36%
Telekomunikasi & Media	-	-	4,013,670	3.69%	2,903,840	3.01%	1,951,160	2.18%	2,068,480	2.65%
Pengangkutan, Simpanan dan Telekomunikasi	4,037,580	3.13%	-	-	142,740	0.15%	154,370	0.17%	-	-
Asat berisiko rendah	10,286,660	7.97%	10,239,280	9.40%	4,051,580	4.20%	3,137,470	3.50%	3,128,000	4.01%
Terbitan Kerajaan	5,041,210	3.90%	2,042,700	1.87%	-	-	-	-	3,315,030	4.25%
Deposit dengan institusi kewangan Islam	-	-	10,000,000	9.19%	12,000,000	12.39%	5,000,000	5.58%	7,000,000	8.95%
Tunai dan baki bank	12,747,472	9.88%	18,980,948	17.45%	13,876,665	14.36%	9,513,545	10.62%	620,752	0.80%
Lain-lain asset/(liabiliti)	444,197	0.34%	(8,651,280)	-7.95%	2,573,724	2.63%	(6,295)	-0.01%	(357,442)	-0.48%
Jumlah	129,077,661	100.00%	108,801,984	100.00%	96,631,938	100.00%	89,607,792	100.00%	78,023,020	100.00%

Perbandingan Prestasi Dana (sambungan)

Dana i-Majmuk (sambungan)

	2024 (RM)	2024 (%)	2023 (RM)	2023 (%)	2022 (RM)	2022 (%)	2021 (RM)	2021 (%)	2020 (RM)	2020 (%)
(II) Jumlah nilai aset bersih ("NAV")	129,077,661	-	108,801,984	-	96,631,938	-	89,607,792	-	78,023,020	-
(III) Bilangan Unit	80,359,515	-	77,330,115	-	69,984,160	-	60,951,591	-	50,718,263	-
(IV) NAV setiap unit	1,606	-	1,407	-	1,381	-	1,470	-	1,538	-
(V) NAV tertinggi setiap unit sepanjang tahun kewangan	1,636	-	1,457	-	1,457	-	1,556	-	1,654	-
(VI) NAV terendah setiap unit sepanjang tahun kewangan	1,393	-	1,271	-	1,271	-	1,406	-	1,198	-
(VII) Jumlah pulangan tahunan bagi dana (%)	-	13.92%	-	1.83%	-	-6.81%	-	-4.17%	-	4.21%
(VIII) Jumlah pulangan (%)	-	13.92%	-	1.83%	-	-6.81%	-	-4.17%	-	4.21%
Satu tahun	-	8.10%	-	-9.07%	-	-6.93%	-	6.68%	-	6.46%
Tiga tahun	-	7.95%	-	1.23%	-	-4.93%	-	14.23%	-	18.01%
Lima tahun	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
(ix) Prestasi indeks penanda aras yang berkaitan - Tanda Aras Wejangan 50% berat pada Pulangan Deposit Tetap 12 bulan dan 50% berat pada Pulangan FBMS	-	8.48%	-	1.42%	-	-4.44%	-	-2.60%	-	6.10%
Satu tahun	-	4.75%	-	-5.23%	-	-1.37%	-	-6.67%	-	3.53%
Tiga tahun	-	8.09%	-	3.46%	-	-2.88%	-	-7.60%	-	8.80%
Lima tahun	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-

Dana i-Ekuiti Global

	2024		2023		2022		2021		2020	
	(RM)	(%)	(RM)	(%)	(RM)	(%)	(RM)	(%)	(RM)	(%)
(i) Komposisi dana mengikut sektor industri dan kategori pelaburan:										
Ekuiti patuh syariah										
Hartanah	8,245,494	64.57%	5,546,183	83.61%	2,201,701	84.61%	-	-	-	-
	8,245,494	64.57%	5,546,183	83.61%	2,201,701	84.61%	-	-	-	-
Tunai dan baki bank	13,976	0.11%	168,880	2.55%	229,334	8.81%	-	-	-	-
Lain-lain aset/(liabiliti)	4,511,243	35.32%	918,356	13.84%	171,231	6.58%	-	-	-	-
Jumlah	12,770,713	100.00%	6,633,419	100.00%	2,602,275	100.00%	-	-	-	-
(ii) Jumlah nilai aset bersih ("NAV")	12,770,713	-	6,633,419	-	2,602,275	-	-	-	-	-
(iii) Bilangan Unit	7,222,363	-	4,861,522	-	2,529,158	-	-	-	-	-
(iv) NAV setiap unit	1,768	-	1,364	-	1,029	-	-	-	-	-
(v) NAV tertinggi setiap unit sepanjang tahun kewangan	1,257	-	1,156	-	1,156	-	-	-	-	-
(vi) NAV terendah setiap unit sepanjang tahun kewangan	1,109	-	0,866	-	0,866	-	-	-	-	-
(vii) Jumlah pulangan tahunan bagi dana (%)	-	0.18%	-	22.01%	-	-9.80	-	-	-	-
Pertumbuhan modal										
(viii) Jumlah pulangan (%)										
Satu tahun	-	0.18%	-	22.01%	-	-9.80	-	-	-	-
Tiga tahun	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Lima tahun	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
(ix) Prestasi indeks penanda aras yang berkaitan - Indeks MSCI ACWI Islamic (Shariah) (MYR)										
Satu tahun	-	0.39%	-	25.64%	-	-6.71	-	-	-	-
Tiga tahun	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Lima tahun	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-

Penyata oleh Pengurus

Kami, Shahrul Azlan Bin Shahrman dan Jasveen Kaur Marne, menyatakan bahawa, pada pendapat Great Eastern Takaful Berhad (“Pengurus”), maklumat kewangan mengiringi Dana Berkaitan Pelaburan Great Eastern Takaful Berhad, yang terdiri daripada Dana i-Makmur, Dana i-Mekar, Dana i-Majmuk dan Dana i-Ekuiti Global yang dibentangkan pada mukasurat 26 hingga 56 telah disediakan selaras dengan polisi-polisi perakaunan sebagaimana dinyatakan dalam Nota 2.2 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan mengenai Perniagaan Berkaitan Pelaburan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Bagi pihak Pengurus,

Shahrul Azlan Bin Shahrman

Jasveen Kaur Marne

Kuala Lumpur, Malaysia
29 April 2025

Laporan Jawatankuasa Syariah

Kepada pemegang-pemegang unit dana-dana berkaitan pelaburan Great Eastern Takaful Berhad,

Kami, Dr. Mohammad Firdaus bin Mohammad Hatta dan Dr. Muhammad Naim bin Omar, selaku dua orang ahli Jawatankuasa Syariah untuk Dana i-Makmur, Dana i-Mekar, Dana i-Majmuk dan Dana i-Ekuiti Global (secara kolektifnya dikenali sebagai “Dana-dana”) berpendapat bahawa Great Eastern Takaful Berhad (“Pengurus”), telah memenuhi tanggungjawab mereka dalam cara-cara berikut untuk tahun kewangan 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024.

Pada pendapat kami, bagi tempoh dibawah tinjauan:

- a. Dana i-Makmur telah dilaburkan menurut senarai sukuk yang diluluskan oleh Syariah yang dikadarkan oleh Rating Agency Malaysia Berhad dan Malaysian Rating Corporation Berhad;
- b. Dana i-Mekar dilaburkan dalam ekuiti yang diluluskan oleh Syariah selaras dengan senarai sekuriti yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia;
- c. Dana i-Majmuk dilaburkan dalam ekuiti yang diluluskan oleh Syariah selaras dengan senarai sekuriti yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan menurut senarai sukuk yang diluluskan oleh Syariah yang dikadarkan oleh Rating Agency Malaysia Berhad dan Malaysian Rating Corporation Berhad;
- d. Dana i-Ekuiti Global telah dilaburkan mengikut senarai ekuiti yang diluluskan Syariah tempatan dan asing yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, dan Morgan Stanley Capital International All Country World Index (MSCI ACWI) Islamic Index; dan
- e. Tiada pendapatan direalisasikan daripada aset-aset yang dilaburkan atau dengan cara-cara yang tidak mematuhi prinsip Syariah.

Ditandatangani bagi pihak Jawatankuasa Syariah,

Dr. Mohammad Firdaus bin Mohammad Hatta

Dr. Muhammad Naim bin Omar

Kuala Lumpur, Malaysia
29 April 2025

Laporan Juruaudit Luar

kepada Pemegang-pemegang Sijil Dana-dana Berkaitan Pelaburan
Great Eastern Takaful Berhad (Diperbadankan di Malaysia)

Laporan mengenai Audit Maklumat Kewangan

Pendapat Kami

Pada pendapat kami, maklumat kewangan Dana-dana yang disertakan untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 telah disediakan menurut dasar perakaunan penting yang dinyatakan dalam Nota 2.2 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan Perniagaan Berkaitan Pelaburan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Apa yang telah diaudit oleh kami

Kami telah mengaudit penyata kewangan untuk Dana-dana, yang terdiri daripada penyata aset dan liabiliti pada 31 Disember 2024, penyata perbelanjaan dan pendapatan, penyata perubahan dalam nilai aset bersih bagi tahun berakhir tersebut, dan ringkasan polisi perakaunan yang penting, seperti yang dinyatakan pada muka surat 26 hingga 56.

Asas bagi Pendapat

Kami telah menjalankan audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian-piawaian tersebut dihuraikan dengan lebih lanjut didalam seksyen "*Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Maklumat Kewangan laporan*" ini.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk membentuk asas bagi pendapat kami.

Penekanan perkara - asas perakaunan dan sekatan ke atas pengagihan dan penggunaan

Kami ingin menarik perhatian kepada Nota 2.1 kepada maklumat kewangan Dana-dana, yang menjelaskan dasar perakaunan. Maklumat kewangan disediakan untuk membantu Dana-dana dalam memenuhi syarat Garis Panduan Perniagaan Berkaitan Pelaburan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Oleh itu, maklumat kewangan Dana-dana mungkin tidak sesuai untuk tujuan lain. Laporan kami adalah bertujuan semata-mata untuk pemegang-pemegang sijil Danadana, sebagai sebuah badan dan tidak boleh diagihkan kepada atau digunakan oleh pihak lain selain daripada pemegang-pemegang sijil Dana-dana. Pendapat kami tidak diubahsuai berkenaan dengan perkara ini.

Kebebasan dan tanggungjawab etika yang lain

Kami beroperasi secara bebas daripada Dana-dana menurut Undang-undang Kecil (berkaitan Etika, Perilaku dan Amalan Profesional) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Profesional bagi Akauntan (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa) ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab beretika yang lain menurut Undang-undang Kecil dan Kod IESBA.

Maklumat selain daripada penyata kewangan dan laporan juruaudit

Para Pengarah Great Eastern Takaful Berhad ("Pengurus") bertanggungjawab untuk maklumat lain. Maklumat lain terdiri daripada maklumat yang terkandung dalam Laporan Tahunan Dana-Dana Berkaitan Pelaburan, tetapi tidak termasuk maklumat kewangan Dana-dana dan laporan juruaudit kami mengenainya.

Laporan Juruaudit Luar kepada Pemegang-pemegang Sijil Dana-dana Berkaitan Pelaburan Great Eastern Takaful Berhad (Diperbadankan di Malaysia) (sambungan)

Maklumat selain daripada penyata kewangan dan laporan juruaudit (sambungan)

Pendapat kami ke atas maklumat kewangan Dana-dana tidak merangkumi maklumat yang lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan ke atas kesimpulannya.

Sehubungan dengan pengauditan kami ke atas maklumat kewangan Dana-dana, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat yang lain dan, dalam berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada maklumat yang lain itu tidak selaras secara matan dengan penyata kewangan Dana-dana atau maklumat yang kami perolehi daripada pengauditan atau sebaliknya menampakkan salah nyata yang matan.

Jika, berdasarkan kerja yang telah kami lakukan ke atas maklumat lain yang kami perolehi sebelum tarikh laporan juruaudit ini, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang ketara bagi maklumat lain ini, kami dikehendaki melaporkan fakta tersebut. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan dalam hal ini.

Tanggungjawab Para Pengarah Pengurus maklumat kewangan

Para Pengarah Pengurus bertanggungjawab untuk penyediaan maklumat kewangan Dana-dana selaras dengan dasar-dasar perakaunan penting seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.2 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan mengenai Perniagaan Berkaitan Pelaburan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang sewajarnya bagi memastikan penyediaan maklumat kewangan Dana-dana bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan maklumat kewangan, para Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Dana-dana untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan, menyatakan sepertimana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan perakaunan asas usaha berterusan melainkan sekiranya para Pengarah berhasrat untuk membubarkan Dana-dana atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain untuk berbuat demikian.

Para Pengarah Pengurus bertanggungjawab untuk memantau proses pelaporan kewangan Danadana.

Tanggungjawab-tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Maklumat Kewangan

Objektif-objektif kami adalah untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada maklumat kewangan Dana-dana secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang mengandungi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap kepastian yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara jika ia wujud. Salah nyata boleh timbul akibat penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau agregat, boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna-pengguna, yang dibuat berdasarkan maklumat kewangan ini.

Laporan Juruaudit Luar
kepada Pemegang-pemegang Sijil Dana-dana Berkaitan Pelaburan
Great Eastern Takaful Berhad (Diperbadankan di Malaysia) (sambungan)

Tanggungjawab-tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Maklumat Kewangan (sambungan)

Kami mengamalkan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan sebagai sebahagian daripada audit selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Kami juga:

- (a) Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam maklumat kewangan Danadana, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, menyediakan dan melaksanakan prosedur audit terhadap risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk membentuk asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada risiko yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, maklumat yang sengaja ditinggalkan, gambaran yang salah, atau melanggar prosedurprosedur kawalan dalaman.
- (b) Mendapatkan pemahaman kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Dana-dana.
- (c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan dan anggaran perakaunan yang digunakan dan juga menilai nota-nota kepada maklumat kewangan yang dibuat oleh Pengurus.
- (d) Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas perakaunan usaha berterusan oleh Pengurus dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian matan berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan terhadap keupayaan dana-dana meneruskan operasi sebagai usaha berterusan. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian matan wujud, kami dikehendaki menyerlahkannya di dalam laporan juruaudit kami terhadap pendedahan berkaitan di dalam maklumat kewangan Dana-dana atau, sekiranya pendedahan tersebut tidak mencukupi mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan mungkin menyebabkan Dana-dana menamatkan operasi sebagai usaha berterusan.

Kami berkomunikasi dengan Pengurus mengenai, antara lain, skop dan masa audit yang dirancang dan penemuan audit penting, termasuk sebarang kekurangan ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa audit kami.

Perkara-Perkara Lain

Laporan ini disediakan khusus bagi pemegang sijil Dana-dana, sebagai sebuah badan, dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak lain berhubung kandungan laporan ini.

PRICEWATERHOUSECOOPERS PLT
LLP0014401-LCA & AF1146
Akauntan-akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur
29 April 2025

Penyata Aset dan Liabiliti

Pada 31 Disember 2024

Nota	2024				2023			
	Dana i-Makmur	Dana i-Mekar	Dana i-Majmuk	Dana i-Ekuiti Global	Dana i-Makmur	Dana i-Mekar	Dana i-Majmuk	Dana i-Ekuiti Global
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Aset								
3	147,744,917	386,666,289	115,885,992	8,245,494	136,436,979	326,524,628	88,472,316	5,546,183
		-	-	-	-	564,484	154,616	-
4	-	-	-	-	-	324,001	54,349	-
6	6,783,993	27,483,615	26,047,300	7,957,412	4,260,463	25,553,872	21,771,003	3,241,764
	10,990,139	49,607,572	12,747,472	13,976	12,422,886	32,374,254	18,980,948	168,880
	165,519,049	463,757,476	154,680,764	16,216,882	153,120,328	385,341,239	129,433,232	8,956,827
Liabiliti								
7	75,173	22,818,087	24,583,016	3,391,254	181,007	20,409,465	20,631,248	2,257,794
4	247,449	2,881,237	1,003,453	40,502	186,693	-	-	61,994
9	1,102,064	161,181	16,634	14,413	458,244	-	-	3,620
	1,424,686	25,860,505	25,603,103	3,446,169	825,944	20,409,465	20,631,248	2,323,408
Nilai aset bersih dana ("NAV")								
	164,094,363	437,896,971	129,077,661	12,770,713	152,294,384	364,931,774	108,801,984	6,633,419
Diwakili oleh:								
	124,010,811	389,967,709	112,127,997	12,186,335	119,558,131	367,229,203	107,159,865	5,906,284
	40,083,552	47,929,262	16,949,664	584,378	32,736,253	(2,297,429)	1,642,119	727,135
5	164,094,363	437,896,971	129,077,661	12,770,713	152,294,384	364,931,774	108,801,984	6,633,419
5	72,955,380	248,369,450	80,359,515	7,222,363	71,953,591	234,916,850	77,330,115	4,861,522
5	2,249	1,763	1,606	1,768	2,117	1,553	1,407	1,364

Nota yang dilampirkan membentuk sebahagian penting maklumat kewangan ini.

Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2024

	2024					2023				
	Dana i-Makmur RM	Dana i-Mekar RM	Dana i-Majmuk RM	Dana i-Ekuiti Global RM	Dana i-Makmur RM	Dana i-Mekar RM	Dana i-Majmuk RM	Dana i-Ekuiti Global RM		
Pendapatan bersih	286,417	21,753	62,260	-	256,560	5,178	338,799	-		
	5,978,853	-	464,619	-	5,163,617	-	244,138	-		
	685,094	-	173,307	-	974,555	-	45,372	-		
	437,158	11,135,760	2,644,982	-	-	10,413,414	2,323,276	-		
	(7,595)	(1,961,739)	(470,887)	(939)	(5,751)	(1,852,039)	(354,077)	1,623		
Perbelanjaan pelaburan	7,359,927	9,195,774	2,874,281	(939)	6,388,981	8,566,553	2,597,508	1,623		
Keuntungan atas pelupusan pelaburan	706,111	10,193,182	1,746,792	154,018	-	-	-	56,141		
Keuntungan bersih modal tidak direalisasi	759,442	40,740,397	13,222,520	-	5,152,003	1,133,395	3,116,488	841,306		
Lain-lain pendapatan	838	231,540	183,615	906	5,190	205,643	170,793	249		
Jumlah pendapatan	8,826,318	60,360,893	18,027,208	153,985	11,546,174	9,905,591	5,884,789	899,319		
Ke Rugian atas pelupusan pelaburan	-	-	-	-	(651,937)	(8,982,400)	(2,363,940)	-		
Ke Rugian bersih modal tidak direalisasi	-	-	-	(268,652)	-	-	-	-		
Caj pengurusan aset	(769,985)	(5,848,841)	(1,487,169)	(38,561)	(684,148)	(4,768,689)	(1,232,651)	(25,667)		
